

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada UiTM di atas usaha yang dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan kepada para atletnya dalam Majlis Anugerah Sukan UiTM 2023 pada hari ini.

Saya amat menyanjung tinggi usaha murni pihak Pengurusan UiTM sebagai tanda menghargai para atlet yang telah mengharumkan nama dalam arena sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Usaha ini menunjukkan bahawa Pengurusan UiTM begitu peka terhadap sumbangan atlet-atletnya.

Seperti yang telah kita saksikan, tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan membanggakan di kejohanan sukan peringkat antarabangsa telah melibatkan atlet yang terdiri daripada mahasiswa IPT, malah lebih bermakna lagi apabila kejayaan tersebut diperolehi dalam kalangan atlet atau mahasiswa UiTM.

Justeru, syabas saya ucapkan kepada yang berjaya menerima anugerah dan teruskan kecemerlangan tersebut sehingga ke tahap yang paling tinggi. Kepada atlet yang kurang bernasib baik, jangan sesekali berputus asa, sebaliknya tingkatkan usaha anda sehingga kejayaan yang diperolehi seiring dengan keringat yang telah dicurahkan demi mengharumkan nama universiti dan negara.

Akhir kata, terima kasih diucapkan khusus buat jawatankuasa pengelola Majlis Anugerah Sukan UiTM 2023 yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis pada hari ini. *Insyallah*, segala keringat yang dicurahkan akan dibalas dengan kebaikan.

Senyum indah di depan kaca,
Melihat anak belajar sempoa,
Semangat juara dengan usaha,
Awali aktiviti dengan berdoa.

Sekian , terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberikan izin dan limpah kurnia-Nya, Majlis Anugerah Sukan UiTM 2023 (MAS) berjaya diadakan.

Sempena majlis yang amat bermakna ini, syabas dan tahniah diucapkan kepada yang diraikan, iaitu para atlet UiTM atas penglibatan dan pencapaian yang membanggakan di sepanjang tahun 2023. Majlis yang diadakan pada hari ini bukan sahaja bertujuan memberikan pengiktirafan kepada para atlet malah, sebagai pemangkin agar mereka terus melakarkan kejayaan demi kejayaan dalam sukan yang disertai. Penglibatan mahasiswa dalam bidang sukan adalah penting bagi sesebuah universiti melahirkan graduan yang dinamik dan holistik seterusnya melahirkan generasi profesional yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, atas usaha yang dicurahkan dalam mengurus dan memastikan kejayaan para atlet UiTM dalam pertandingan yang mereka sertai sama ada pada peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa. Akhir kata, saya mewakili pihak UiTM, turut merakamkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa pengelola dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, FASc
Naib Canselor UiTM